
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

BVT 311/4 - Entomologi Perubatan dan Bandar

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

[BVT 311/4]

1. Jelaskan transmisi biologi dan transmisi mekanikal. Dengan menggunakan satu contoh nyamuk spesifik yang terdapat di Malaysia, huraikan peranan yang dimainkannya sebagai perumah kepada perkembangan parasit penyakit malaria.

(20 markah)

2. Huraikan kepentingan ekonomi nyamuk di dalam subfamili Culicinae. Bincangkan pendekatan yang digunakan dalam mengawal nyamuk-nyamuk ini.

(20 markah)

3. Tuliskan nota mengenai kitar hidup serta kepentingan perubahan serangga-serangga berikut:

(a) *Glossina palpalis*

(b) *Simulium damnosum*

(20 markah)

4. (a) Huraikan tiga kebaikan dan tiga keburukan kawalan lipas menggunakan umpan toksik.

(10 markah)

(b) Berikan tiga perbezaan kawalan kimia berbanding kawalan biologi untuk perosak lipas isi rumah.

(10 markah)

..../3-

5. (a) Huraikan LIMA (5) kasta yang boleh didapati dalam satu populasi anai-anai.

(10 markah)

- (b) Kawalan anai-anai dengan menggunakan umpan merupakan satu kaedah kawalan yang popular dewasa ini. Berikan dua perbezaan kaedah kawalan ini berbanding kaedah konvensional, iaitu kaedah rawatan tanah.

(10 markah)

6. Bincangkan bagaimana satu program pengurusan perosak bersepadu (IPM) untuk semut isi rumah di dalam satu kompleks membeli belah boleh dilaksanakan.

(20 markah)